

PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN MYGAP ATAS KETIDAKAKURAN

❖ PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN SIJIL

1. Sekiranya terdapat pelanggaran pematuhan GAHP dan syarat-syarat pensijilan myGAP melalui aduan atau program pemantauan.
2. Tempoh gantung adalah enam (6) bulan atau sehingga tindakan pembedulan diselesaikan oleh pihak ladang.
3. Sijil akan dibatalkan sekiranya tiada tindakan pembedulan diambil atau Ahli Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Veterinar tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil.

❖ PROSEDUR PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN

1. Urus setia terima makluman pelanggaran pematuhan GAHP atau syarat-syarat pensijilan myGAP melalui aduan atau program pemantauan.
2. Bagi pelanggaran major iaitu melibatkan keselamatan hasil ladang seperti pengesanan penyakit dan residu antibiotik, surat arahan penggantungan sijil akan dikeluarkan serta merta dan pihak ladang perlu kemukakan perancangan tindakan pembedulan dalam tempoh masa dua (2) minggu.
3. Bagi pelanggaran minor, surat arahan akan dikeluarkan serta merta bagi ladang mengambil tindakan pembedulan dalam tempoh 1 (satu) minggu hingga 3 (tiga) bulan (bergantung kepada jenis ketidakakuran);
4. Lawatan susulan akan dilakukan selepas tamat tempoh tindakan pembedulan ditetapkan atau apabila pihak berkenaan telah bersedia;

5. Sekiranya pihak berkenaan gagal membetulkan ketidakakuran, pembaharuan sijil bagi tahun tersebut akan digantung sehingga ketidakakuran tersebut selesai;
6. Sekiranya dalam tempoh dua (2) tahun atau dua (2) kali lawatan audit pemeriksaan semula pihak berkenaan tidak dapat menyelesaikan ketidakakuran, penganugerahan sijil akan ditarik balik;
7. Logo boleh tidak boleh digunakan selepas tarikh penarikan sijil dibuat;
8. Jika pihak yang telah ditarik balik sijil myGAP tetapi masih berminat menyertai Pensijilan Veterinar, pihak tersebut perlu mengemukakan permohonan baharu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

